

D236

U B649 AAB
MAHATHIR - JURNAL

KUALA LUMPUR, 3 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MELANCARKAN JURNAL PARLIMEN MALAYSIA, +DEWAN+, KELUARAN PERTAMA, YANG ANTARA LAIN MEMUATKAN KEGIATAN YANG BERLAKU DI PARLIMEN.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PELANCARAN ITU DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENERBITAN ITU AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT NEGARA INI MENGIKUTI SEGALA PERKEMBANGAN DAN KEGIATAN DI KALANGAN ANGGOTA DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA.

KATANYA, JURNAL ITU JUGA DAPAT MEMBERI GAMBARAN TENTANG KEGIATAN PARLIMEN UNTUK TATAPAN GENERASI MASA INI DI SAMPING MENJADI BAHAN RUJUKAN MENGENAI INSTITUSI PARLIMEN KEPADA GENERASI AKAN DATANG.

BELIAU BERKATA +HANSARD+ (LAPORAN RASMI PROSIDING PARLIMEN) YANG DIEDARKAN DI BANGUNAN PARLIMEN PADA MASA INI TERLALU +KERING+ DAN TERLALU INTELEKTUAL.

+JURNAL INI SEKURANG-KURANGNYA DAPAT MEMBERI GAMBARAN KEMANUSIAAN MENGENAI PERIHAL PARLIMEN DENGAN ADANYA BAHAN-BAHAN RINGAN,+ TAMBAHNYA. -- LAGI
2124MST 03 07 89

D237

U B650 AAB
MAHATHIR - JURNAL 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP JURNAL ITU DAPAT MENCUNGKIL BAKAT DI KALANGAN ANGGOTA PARLIMEN UNTUK MENYUMBANGKAN ARTIKEL-ARTIKEL SERIUS DAN RINGAN.

KATANYA, ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN BUKAN SAHAJA BOLEH MENYUMBANGKAN ARTIKEL-ARTIKEL MENGENAI PARLIMEN MALAH MENGENAI PENGALAMAN DI LUAR PARLIMEN SEPERTI LAWATAN KE LUAR NEGERI ATAU MENGHADIRI PERSIDANGAN PERSATUAN PARLIMEN KOMANWEL (CPA) UNTUK DIJADIKAN PENGAJARAN BAGI MENINGKATKAN PRESTASI SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGALAKKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN MEWUJUDKAN SUASANA RIANG SEMASA PERSIDANGAN DENGAN MENYELITKAN JENAKA UNTUK +MENGHIDUPKAN+ LAGI PERSIDANGAN.

KETIKA MENYINGKAP KISAH PARLIMEN SEJAK BELIAU MULA MENJADI ANGGOTA PARLIMEN PADA TAHUN 1964, PERDANA MENTERI BERKATA: +PADA MASA ITU TERDAPAT SEBUAH +BAR+ BAGI MEMBOLEHKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN BERIHAT+.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, +BAR+ DAN JUGA ACARA +JOGET+ KEMUDIANNYA DIHENTIKAN PADA TAHUN 1972. -- LAGI
2126MST 03 07 89

D238

U B651 AAB
PARLIMEN - JURNAL 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KETIKA INI KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENGADAKAN SIARAN LANGSUNG MELALUI TELEVISYEN BAGI SETIAP PERSIDANGAN DI PARLIMEN.

TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, SPEAKER DEWAN RAKYAT, TAN SRI MOHAMAD ZAHIR ISMAIL, YANG DIPERTUA DEWAN NEGARA, TAN SRI ABANG AHMAD URAI, SERTA ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN PENYOKONG KERAJAAN.

KETIKA BERUCAP SEBELUM ITU, SETIAUSAHA KEPADA PARLIMEN, DATUK HAJI WAN ZAHIR SHEIK ABDUL RAHMAN, YANG JUGA PENASIHAT JURNAL ITU, BERKATA JURNAL TERSEBUT AKAN DITERBITKAN TIGA KALI SETAHUN IAITU SELEPAS SETIAP PERSIDANGAN PARLIMEN.

JURNAL KELUARAN PERTAMA SETEBAL 44 MUKA SURAT ITU ANTARA LAIN MEMUATKAN TULISAN OLEH TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR SITI ZAHARAH SULAIMAN, DAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN PADANG TERAP, DATUK DR AFFIFUDIN HAJI OMAR. -- BERNAMA
2128MST 03 07 89